



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PAHANG

SIASATAN KES KEJADIAN IKAN MATI DI TASIK TAMAN BANDAR DAN PARIT KAMPUNG JAWA, KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR

9 JULAI 2024, KUANTAN - Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menjalankan siasatan pada 8 dan 9 Julai 2024 susulan insiden ikan mati di tasik Taman Bandar dan parit Kampung Jawa, Kuantan yang turut mendapat liputan meluas di media sosial. Hasil siasatan mendapati ikan-ikan yang mati terdiri daripada spesies lampam dan tilapia di kedua-dua lokasi.

Pengujian "in-situ" di kedua-dua lokasi aduan mendapati kadar Oksigen Terlarut (Dissolved Oxygen, DO) adalah di bawah 1.0 mg/L dan rendah berbanding julat normal bagi kehidupan akuatik iaitu 4.0 - 6.0 mg/L. Kadar Oksigen Terlarut yang rendah ini disyaki faktor utama yang menyebabkan kematian ikan.

JAS turut memeriksa bahagian hulu lokasi aduan bagi mengenalpasti punca-punca pencemaran yang berpotensi dalam lingkungan 2 KM jejari daripada lokasi ikan mati ditemui. Kategori kawasan yang diperiksa melibatkan longkang dan saluran air di kawasan perniagaan komersial, pasar dan perumahan.

Semasa siasatan, sebanyak tiga (3) persampelan air telah dijalankan di kedua-dua lokasi aduan dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia bagi tujuan analisa lanjut.

Siasatan masih diteruskan bagi mengenalpasti punca kejadian ikan mati tersebut. Orang ramai yang mempunyai maklumat bagi insiden ini adalah dipohon untuk tampil bagi membantu siasatan.

Sebarang aduan pencemaran boleh terus dilaporkan ke talian bebas tol JAS di 1-800-88-2727 atau emel ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <http://eaduan.doe.gov.my>.

HAJI WANDI YADZID BIN HAJI YAAKOB

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang

Dikeluarkan pada 9 Julai 2024